—*FATWA-NYA DI-KATAKAN TAK BULAT*

# Persatuan Penchak Singapura kesal atas jawapan Majlis Ugama

-6 JUN 1970

JAWATANKUASA Persatuan Penchak Silat Singapura (Perpensis) yang mempunyai lebeh 5,000 anggoto hari ini menyatakan hampa dan rasa kesal terhadap Majlis Ugama Islam yang keberatan menyertai foram terbuka untok membahathkan ajaran Ustaz Taha Suhaimi.

Keberatan Majlis untok menyertai foram tersebut di-sifatkan oleh Perpensis sa-bagai tidak sanggup bertanggong jawab atas fatwa yang di-putuskan-nya baru2 ini bahawa ajaran Ustaz Taha Suhaimi itu 'haram.'

Hal ini di-jelaskan oleh Perpensis dalam sapuchok surat rasmi-nya kapada Berita Harian hari ini sa-bagai menjawab kenyataan akhbar Majlis Ugama Islam Singapura mengenai ajaran Ustaz Taha yang di-siarkan pada 2 Jun yang baru lalu.

## Tak kena

Perpensis mensifatkan ajaran Ustaz Taha ia-lah "Permainan penchak silat tanpa guru yang dapat di-lihat dengan mata kasar."

Majlis Ugama Islam dalam kenyataan itu berkata "Islam tidak-lah melarang sa-siapa pun belajar dan mengajar penchak silat atau apa saja pengetahuan mempertahankan diri, hanya yang salah dan haram ia-lah "Takarrub atau mendapatkan pertolongan dari Jin dan Arwah".

Keraguan yang di-tunjokkan oleh Majlis Ugama Islam terhadap faedah foram saperti itu bagi masharakat Islam di-Singapura, menurut Perpensis, amat tidak kena pada tempat-nya.

Ia sa-balek-nya menyatakan bahawa mentiadakan foram itu-lah akan mengakibatkan keburokan.

"Menghukumkan haram akan amalan yang sedang di-ikuti oleh lebeh 5,000 orang di-Singapura (tidak termasok di-Malaysia Barat dan Timor) bukan-lah suatu perkara yang boleh di-pandang ringan, sedangkan Majlis Ugama sendiri sa-chara tidak langsong mengakui penting-nya, kerana itu ia mengambil masa dua bulan untok mengkaji ajaran tersebut," kata Perpensis lagi.

-6 JUN 1970

## Meragukan

Perpensis juga meragukan kebijaksanaan Majlis Ugama Islam yang hanya membuat kajian berpandukan isi rakaman yang di-buat dari perbinchangan di-Everton Park sahaja, kerana perbinchangan itu telah di-tamatkan separoh jalan, dan wakil2 Majlis sendiri tidak mengambil bahagian dalam perbinchangan itu.

"Sa-lagi suatu foram terbuka tidak di-adakan sa-hingga keputusan mu'tamad di-chapai kami tidak dapat menerima hukuman Majlis Ugama itu dan kami yakin masharakat juga tidak dapat menerima-nya," kata kenyataan Perpensis lagi.

Terhadap kenyataan Majlis bahawa hukuman itu di-putuskan dengan sa-bulat suara, Perpensis berpendapat kesilapannya terletak pada surat Majlis yang di-tandatangani oleh Setiausahanya.

"Menurut Undang2 Pertadbiran Islam Singapura, sa-suatu fatwa yang di-putuskan oleh Majlis Ugama Islam dan tidak oleh Jawatankuasa Fatwa berarti bahawa fatwa itu tidak di-chapai sa-chara sa-bulat suara.

"Jika keputusan satu2 hukum di-chapai sa-bulat suara hendak-lah di-tegaskan bahawa keputusan itu di-chapai oleh Jawatankuasa Fatwa. Kerana itu kami tidak boleh di-salahkan," kata kenyataan itu.

Menyentoh uchapan